

ORIGINAL ARTICLE



PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN BAHASA CINA DI SEKOLAH MENENGAH

THE IMPLEMENTATION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN THE TEACHING AND LEARNING OF THE CHINESE LANGUAGE IN SECONDARY SCHOOLS

Alex Tan Siaw Wei ^{*1}, Ng Meow Hoon ²

¹ Sekolah Menengah Kebangsaan Perimbun, Cheras Selangor, Malaysia.

Email: alexsw79@hotmail.com

² Faculty of of Languages and Communications, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: miewhoon@fbk.upsi.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/102>

Abstract

The purpose of this research was to identify the level of understanding and the incorporation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in the teaching and learning of the Chinese Language among Secondary Schools teachers in Selangor. The respondents were 183 Chinese Language teachers from 145 secondary schools in Selangor. Questionnaires were administered to collect data in this research. A descriptive analysis was done to obtain the mean, standard deviation, frequency and percentage to identify the secondary school Chinese Language teachers' level of understanding towards HOTS and the incorporation of HOTS in the teaching and learning process in their classrooms. The findings showed that teacher's understanding and knowledge towards HOTS were satisfactory with an average mean above 3.5; while the mean for the incorporation of HOTS in teaching and learning implied that this aspect has to be improved. The findings were able to provide useful input on the level of implementation of HOTS among Secondary School Chinese Language teachers in Selangor.

Keywords: Secondary School Chinese Language teachers, Higher Order Thinking Skills (HOTS), teaching and learning

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan pelaksanaan guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah negeri Selangor terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina. Seramai 183 orang guru Bahasa Cina dari 145 buah sekolah menengah di Selangor menjadi responden kajian. Borang soal selidik digunakan. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk melihat nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan pelaksanaan KBAT guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman dan pengetahuan guru terhadap KBAT adalah memuaskan dengan skor min melebihi 3.5; skor min bagi aspek pelaksanaan KBAT dalam PdPc di sekolah menengah memberi implikasi bahawa aspek berkaitan perlu dipertingkatkan. Hasil kajian ini dapat memberi input bermanfaat kepada guru-guru bahasa cina meninjau tahap pelaksanaan KBAT dalam PdPc di sekolah menengah negeri Selangor.

Kata Kunci: Bahasa Cina sekolah menengah, guru, kemahiran berfikir aras tinggi, pengajaran dan pemudahcaraan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 14th May 2020, revised 15th June 2020, accepted 5th July 2020

Pengenalan

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 merupakan perancangan yang sistematik dan tepat pada masanya untuk memberi impak positif dalam sektor pendidikan di negara Malaysia. Pelaksanaan sistem pendidikan baharu adalah amat diperlukan untuk melonjakkan pencapaian murid di seluruh Malaysia.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa dalam sistem pendidikan masa kini, para murid tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif, rasional dalam semua situasi. (Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013)¹

Oleh yang demikian, kaedah pengajaran guru perlu diubahsuai selaras dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi demi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Dengan itu, guru-guru harus menguasai enam ciri utama iaitu: kemahiran pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional supaya mereka berupaya bersaing dalam peringkat global dan memenuhi aspirasi demi visi pendidikan sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Visi ini juga menjadi asas kepada semua usaha penambahbaikan sistem pendidikan sejak

Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal pada 1988.

Skop Kajian

Kemahiran berfikir guru dan murid terutama dalam konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan perkara keperluan atau keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2025.

Di bawah PPPM, guru-guru diberi sokongan dalam bentuk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) dan bantuan daripada SISC+ untuk mengaplikasi KBAT dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Perkongsian dalam Professional Learning Community (PLC) juga merupakan salah satu cara guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang KBAT selain pembelajaran akses sendiri. Pentadbir sekolah dan ibu bapa juga diberi sokongan untuk membantu mengaplikasi KBAT melalui hebahan media dan sesi interaksi dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kurikulum Standart Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Cina telah digubal semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang mula digunakan sejak tahun 2011. Kurikulum baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Cina. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid.

Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid agar mereka berkeupayaan mengaplikasi pengetahuan dan pengalaman secara lebih praktikal dalam kehidupan seharian. Pendedahan awal kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran akan membina asas yang kukuh dalam usaha melahirkan generasi berfikir mantap (Ambotang, 2014)²

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu komponen utama dalam pengajaran sisitem pendidikan abad ke 21. KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013)³

Pelaksanaan KBAT dalam Kurikulum Standart Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standart Sekolah Menengah (KSSM) merupakan satu usaha kerajaan untuk memperkukuhkan dan memperkasakan kemahiran berfikir murid agar murid bukan sekadar menghafal tetapi memahami apa yang dipelajari dan dapat berfikir dengan lebih mendalam, membuat kesimpulan dan refleksi seterusnya mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina KSSM, 2015)⁴

Objektif Kajian

Obejektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti tahap kefahaman guru bahasa Cina terhadap pendekatan pengajaran KBAT.
2. Mengenal pasti tahap kefahaman guru bahasa Cina terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT.
3. Mengenal pasti tahap penerapan KBAT guru Bahasa Cina di bilik darjah.

Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti yang berikut:

1. Apakah tahap kefahaman guru bahasa Cina terhadap pendekatan pengajaran KBAT ?
2. Apakah tahap kefahaman guru bahasa Cina terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT ?
3. Apakah tahap penerapan KBAT guru Bahasa Cina di bilik darjah?

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Pengkaji telah memilih bentuk kajian tinjauan yang menggunakan instrument soal selidik sebagai kaedah dalam memperolehi data.

Kajian tinjauan dijalankan bagi mengenal pasti tahap kefahaman guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah negeri Selangor melaksanakan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Bahasa Cina. Seramai 183 orang guru bahasa Cina daripada 147 buah sekolah daripada kesemua 10 daerah di negeri Selangor terlibat dalam kajian ini.

Data analisis secara deskriptif untuk mencari kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Jamil (2002)⁵ yang digunakan bagi analisis statistik deskriptif. Skor min 1.00 hingga 2.33 menunjukkan nilai min pada tahap rendah, skor 2.34 hingga 3.66 adalah nilai min pada tahap sederhana manakala skor nilai min 3.67 hingga 5.00 pada tahap tinggi.

Jadual 1

Interprestasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Dapatan Kajian**Taburan Respoden Guru**

Respoden kajian ini meliputi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina sahaja di sekolah menengah negeri Selangor. Berdasarkan jadual 2, analisis dapatan kajian menunjukkan daerah hulu Langat , dan Petaling Perdana merupakan populasi yang paling ramai guru Bahasa Cina iaitu dengan peratusan 24.6% dan 17.5% , manakala daerah yang paling kurang ialah daerah Hulu Selangor dengan peratusan 3.3%, Kuala Selangor dengan peratusan 4.4% dan Sabak Bernam dengan peratusan 2.7% yang terletak di kawasan luar bandar.

Dari segi pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar Bahasa Cina pula, golongan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 20 tahun mencapai peratusan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 48.4% manakala pengalaman mengajar Bahasa Cina di sekolah menengah adalah 27.6%. Hal ini bermakna lebih ramai guru yang mengajar Bahasa Cina di sekolah menengah adalah terdiri daripada guru sekolah rendah dan kebanyakan mereka merupakan guru berpengalaman serta hampir pencen

Kelayakan akademik menunjukkan bahawa sebilangan besar guru mempunyai kelayakan sarjana muda dengan peratusan sebanyak 85.2%, 26 orang responden mempunyai kelulusan sarjana sebanyak 14.2% dan 1 orang responden mempunyai kelulusan kedoktoran sebanyak 0.5%. Hal ini menggambarkan guru yang mengajar di sekolah menengah merupakan guru yang terdiri daripada guru siswazah.

Kesemua guru yang menjadi responden adalah guru yang terlatih di peringkat diploma dengan peratusan sebanyak 65.9%, KPLI sebanyak 16.5% dan DPLI sebanyak 17.6% sahaja. Keadaan ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan yang berhasrat agar guru yang mengajar di sekolah adalah berkelulusan ikhtisas. Namun demikian, penutupan KPLI yang menjadi salah satu sumber melahirkan guru Bahasa Cina sekolah menengah telah menyebabkan tenaga guru muda di sekolah menengah semakin kurang dan masalah ini akan menjadi semakin serius apabila guru senior turut bersara.

Dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi , Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi penataran kursus KBAT, kebanyakan guru didedahkan mengenai kursus KBAT melalui sekolah iaitu dengan peratusan sebanyak 44.8% dan diikuti dengan kursus yang dianjurkan daripada JPN sebanyak 27.9% manakala guru yang didedahkan mengenai KBAT dari KPM hanya 8.7% sahaja. Ini bermaksud kebanyakan guru didedahkan mengenai KBAT adalah melalui pihak sekolah. Keadaan ini berkemungkinan menyebabkan taksiran yang disampaikan mengenai KBAT berbeza dengan taksiran daripada JPN dan KPM kerana maklumat yang diperolehi adalah melalui pihak kedua atau pihak ketiga.

Jadual 2

Profil Respoden Kajian

	Demografi	Kekerapan	Peratusan
PPD	Gombak	21	11.5%
	Hulu Langat	45	24.6%
	Hulu Selangor	6	3.3%
	Klang	23	12.6%
	Kuala Langat	13	7.1%
	Kuala Selangor	8	4.4%
	Petaling Perdana	32	17.5%
	Petaling Utama	22	12%
	Sabak Bernam	5	2.7%
	Sepang	8	4.4%
Pengalaman Mengajar	< 5 Tahun	13	7.1%
	6-10 tahun	5	2.7%
	11-15 tahun	38	20.9%
	16-20 tahun	38	20.9%
	>21	88	48.4%
Pengalaman Mengajar Bahasa Cina	< 5 Tahun	23	12.7%
	6-10 tahun	19	10.5%
	11-15 tahun	52	28.7%
	16-20 tahun	37	20.4%
	>21	50	27.6%
Kelulusan Akademik	Sarjana Muda	156	85.2%
	Sarjana	26	14.2
	Kedoktoran	1	0.5%
Kelulusan Ikhtisas	Sijil Perguruan Asas	112	65.9%
	KPLI	28	16.5%
	DPLI	30	17.6%
Pendedahan Kursus KBAT	KPM	16	8.7%
	JPN	51	27.9%

PPD	32	17.5%
Sekolah	82	44.8%
Tidak Pernah	2	1.1%

Nilai skor min dan sisihan piawai dikira berdasarkan skor mentah yang diperolehi. Jadual 3 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam konstruk kefahaman guru terhadap pendekatan pengajaran KBAT yang dianalisis secara deskriptif.

Secara keseluruhannya kefahaman guru terhadap pendekatan pengajaran KBAT adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min untuk semua item dalam konstruk ini terletak di antara 3.25 dan 3.83 iaitu nilai skor min melebihi 3.5 kecuali item A5 dengan skor min 3.25 dan sisihan piawai 0.962 berada pada tahap kurang setuju bahawa pengajaran KBAT adalah menyediakan murid-murid untuk menghadapi peperiksaan semata-mata.

Item A1 mempunyai nilai skor min 3.72 dan sisihan piawai 0.672. Seramai 110 orang guru bahasa Cina atau 60.1% dan 15 orang guru bahasa Cina atau 8.7% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa kursus yang dihadiri memberikan manfaat bagi kefahaman yang baik tentang KBAT.

Item A2 mempunyai nilai skor min 3.83 dan sisihan piawai 0.688. Seramai 134 orang guru bahasa Cina atau 73.2% dan 20 orang guru bahasa Cina atau 8.2% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa mereka memahami konsep pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah.

Item A3 mempunyai nilai skor min 3.72 dan sisihan piawai 0.578. Seramai 114 orang guru bahasa Cina atau 62.3% dan 14 orang guru bahasa Cina atau 7.7% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa mereka memahami cara untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.

Item A4 merupakan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.25 dan sisihan piawai 0.962. Seramai 45 orang guru bahasa Cina atau 26.7% dan 21 orang guru bahasa Cina atau 11.5% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' untuk menyediakan murid menghadapi peperiksaan daripada mengajar KBAT untuk memenuhi kehendak semua pihak.

Item A5 mempunyai nilai skor min 3.75 dan sisihan piawai 0.670. Seramai 118 orang guru bahasa Cina atau 64.5% dan 14 orang guru bahasa Cina atau 7.7% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa mereka memahami pelaksanaan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.

Analisis ini menunjukkan bahawa guru bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap pendekatan pengajaran KBAT dan dapat melaksanakan pengajaran KBAT dengan baik dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

Jadual 3

Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap kefahaman guru terhadap pendekatan pengajaran KBAT.

Item	Tahap kefahaman guru terhadap pendekatan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).	N	STS (%) 1	TS (%) 2	KS (%) 3	S (%) 4	SS (%) 5	Min	Sisihan piawai
A1	Kursus yang saya hadiri memberikan manfaat bagi kefahaman yang baik tentang KBAT.	183	1 (0.5%)	5 (2.7%)	52 (28.4%)	110 (60.1%)	15 (8.2%)	3.72	0.672
A2	Saya memahami konsep pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah.	183	2 (1.1%)	3 (1.6)	31 (16.9)	134 (73.2%)	13 (7.1%)	3.83	0.616
A3	Saya memahami cara untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.	183	2 (1.1%)	5 (2.7%)	48 (26.2)	114 (62.3%)	14 (7.7%)	3.72	0.688
A4	Saya lebih suka menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan daripada mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi untuk memenuhi kehendak semua pihak.	183	5 (2.7%)	31 (17%)	80 (44%)	45 (24.7%)	21 (11.5%)	3.25	0.962
A5	Saya memahami pelaksanaan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.	183	2 (1.1%)	4 (2.2%)	45 (24.6%)	118 (64.5%)	14 (7.7%)	3.75	0.670
Jumlah nilai min dan sisihan piawai bagi kefahaman guru terhadap pendekatan pengajaran KBAT.								18.27 3.65	3.608 0.72

Nilai skor min dan sisihan piawai dikira berdasarkan skor mentah yang diperolehi. Jadual 4 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam konstruk tahap kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT yang dianalisis secara deskriptif.

Secara keseluruhannya kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min untuk semua item dalam konstruk ini terletak di antara 3.12 dan 3.95 iaitu nilai skor min melebihi 3.5 kecuali item B2 dengan skor min 3.12 dan sisihan piawai 1.02 berada pada tahap sangat tidak setuju dengan pengajaran KBAT diajar menerusi penerapan terpisah dan bebas dalam mata pelajaran yang khusus.

Item B1 mempunyai nilai skor min 3.72 dan sisihan piawai 0.672. Seramai 113 orang guru bahasa Cina atau 62.1% dan 19 orang guru bahasa Cina atau 10.4% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa KBAT lebih baik diajar melalui penerapan penuh merentasi kurikulum Bahasa Cina.

Item B2 mempunyai nilai skor min 3.12 dan sisihan piawai 1.02. Seramai 55 orang guru bahasa Cina atau 30.1% dan 14 orang guru bahasa Cina atau 7.7% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa KBAT harus diajar menerusi penerapan terpisah dan bebas dalam mata pelajaran yang khusus.

Item B3 mempunyai nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.95 dan sisihan piawai 0.618. Seramai 128 orang guru bahasa Cina atau 69.9% dan 26 orang guru bahasa Cina atau 14.2% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa KBAT murid boleh ditingkatkan secara tersirat melalui kaedah penerapan tidak langsung dalam pengajaran Bahasa Cina. Analisis ini menunjukkan bahawa guru bahasa Cina amat menekankan pengajaran KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

Item B4 mempunyai nilai skor min 3.80 dan sisihan piawai 0.624. Seramai 126 orang guru bahasa Cina atau 68.9% dan 14 orang guru bahasa Cina atau 7.7% menyatakan mereka 'setuju' dan 'sangat setuju' bahawa Pemikiran murid boleh dibentuk apabila KBAT diterapkan menerusi penerapan separa dalam strategi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Bahasa Cina dalam bilik darjah.

Analisis ini menunjukkan bahawa guru bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT dalam pengajaran merentasi sesuatu mata pelajaran yang khusus. Ini bermaksud ramai guru bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor bersetuju bahawa KBAT dapat diserap melalui mata pelajaran bahasa Cina.

Jadual 4

Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran.

Item	Tahap kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran.	N	STS (%) 1	TS (%) 2	KS (%) 3	S (%) 4	SS (%) 5	Min	Sisihan piawai
B1	KBAT lebih baik diajar melalui penerapan penuh merentasi kurikulum Bahasa Cina.	183	0	3 (1.6%)	47 (25.8%)	113 (62.1%)	19 (10.4%)	3.80	0.630
B2	KBAT harus diajar menerusi penerapan terpisah dan bebas dalam mata pelajaran yang khusus.	183	11 (6%)	38 (20.8%)	65 (35.5%)	55 (30.1%)	14 (7.7%)	3.12	1.02
B3	KBAT murid boleh ditingkatkan secara tersirat melalui kaedah penerapan tidak langsung dalam pengajaran Bahasa Cina	183	0	5 (2.7%)	24 (13.1%)	128 (69.9)	26 (14.2%)	3.95	0.618
B4	Pemikiran murid boleh dibentuk apabila KBAT diterapkan menerusi penerapan separa dalam strategi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Bahasa Cina dalam bilik darjah.	183	0	7 (3.8%) 14 0.07	36 (19.7%) 108 0.59	126 (68.9%) 504 0.69	14 (7.7%) 70 0.38	3.80	0.624
Jumlah nilai min dan sisihan piawai bagi kefahaman guru terhadap nilai dan kepentingan pengajaran KBAT dalam pengajaran.								14.67 3.66	2.892 0.72

Nilai skor min dan sisihan piawai dikira berdasarkan skor mentah yang diperolehi. Jadual 5 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam kontruk tahap kefahaman guru penerapan pengajaran KBAT yang dianalisis secara deskriptif.

Secara keseluruhannya tahap guru penerapan pengajaran KBAT adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min untuk semua item dalam konstruk ini terletak di antara 3.39 dan 3.93 iaitu nilai skor min melebihi 3.5 kecuali item C2,C3 dan C4 yang menunjukkan tahap kurang setuju dengan tahap penerapan pengajaran KBAT.

Item C1 mempunyai nilai skor min 3.57 dan sisihan piawai 0.640. Seramai 102 orang guru bahasa Cina atau 55.7% dan 6 orang guru bahasa Cina atau 3.3% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka mengetahui kandungan sukatan pelajaran bagi KBAT.

Item C2 mempunyai nilai skor min 3.49 dan sisihan piawai 0.686. Seramai 96 orang guru bahasa Cina atau 52.5% dan 4 orang guru bahasa Cina atau 2.2% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka mengetahui kaedah yang sesuai digunakan untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran.

Item C3 merupakan nilai skor min yang paling rendah iaitu 3.39 dan sisihan piawai 0.694. Seramai 84 orang guru bahasa Cina atau 45.9% dan 3 orang guru bahasa Cina atau 1.6% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka menggunakan pelbagai strategi pengajaran untuk mengajar KBAT dalam pelbagai kemahiran bahasa.

Item C4 mempunyai nilai skor min 3.44 dan sisihan piawai 0.676. Seramai 87 orang guru bahasa Cina atau 47.5% dan 4 orang guru bahasa Cina atau 2.2% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ untuk menggunakan teknik yang sesuai untuk mengajar KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.

Ketiga-tiga item ini menunjukkan skor min yang kurang daripada 3.5 berada pada tahap kurang memuaskan. Analisis ini menunjukkan bahawa guru bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor masih kurang pasti samaada kaedah yang digunakan untuk menerapkan KBAT itu sesuai atau tidak.

Item C5 mempunyai nilai skor min 3.75 dan sisihan piawai 0.628. Seramai 124 orang guru bahasa Cina atau 67.8% dan 11 orang guru bahasa Cina atau 6% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa menggalakkan murid menilai kebenaran maklumat daripada pelbagai aktiviti berdasarkan bukti yang sah untuk melatih kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid.

Item C6 mempunyai nilai skor min 3.86 dan sisihan piawai 0.562. Seramai 139 orang guru bahasa Cina atau 76.0% dan 12 orang guru bahasa Cina atau 6.6% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka memberikan tempoh masa untuk murid-murid mengemukakan idea-idea terhadap sesuatu topik dalam proses PdPc.

Item C7 mempunyai nilai skor min 3.91 dan sisihan piawai 0.547. Seramai 146 orang guru bahasa Cina atau 79.8% dan 13 orang guru bahasa Cina atau 7.1% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka menggunakan maklumat yang relevan dalam interaksi dan

berbincang bersama-sama dengan murid untuk mengembangkan pemikiran murid agar dapat berfikir secara aras tinggi.

Item C8 mempunyai nilai skor min 3.77 dan sisihan piawai 0.601. Seramai 125 orang guru bahasa Cina atau 68.7% dan 11 orang guru bahasa Cina atau 6% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka menghendaki murid untuk menilai kebolehpercayaan sumber-sumber sebelum menerima sesuatu fakta.

Item C9 merupakan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.93 dan sisihan piawai 0.585. Seramai 139 orang guru bahasa Cina atau 76% dan 19 orang guru bahasa Cina atau 10.4% menyatakan mereka ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bahawa mereka menggalakkan murid untuk membuat perbincangan kumpulan berdasarkan kepada data dan maklumat yang sedia ada untuk melatih murid berfikir secara aras tinggi.

Analisi ini menunjukkan bahawa guru bahasa Cina sekolah menengah di negeri Selangor masih kurang pasti dengan kaedah atau strategi pengajaran yang digunakan di bilik darjah berunsurkan KBAT atau tidak. Ketidapastian guru sebagai pelaksana dalam pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah akan menghalang kelancaran implementasi KBAT. Keadaan ini menggambarkan pendedahan kursus KBAT tidak menjamin keberkesanan penerapan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

Jadual 5

Nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap penerapan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Item	Tahap penerapan pengajaran	N	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)		1	2	3	4	5		
C1	Saya mengetahui kandungan sukatan pelajaran bagi KBAT.	183	1 (0.5%)	6 (3.3%)	68 (37.2%)	102 (55.7%)	6 (3.3%)	3.57	0.640
C2	Saya mengetahui kaedah yang sesuai digunakan untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran.	183	3 (1.6%)	7 (3.8%)	73 (39.9%)	96 (52.5%)	4 (2.2%)	3.49	0.686
C3	Saya tahu menggunakan pelbagai strategi pengajaran untuk mengajar KBAT dalam pelbagai kemahiran bahasa.	183	2 (1.1%)	13 (7.1%)	81 (44.3%)	84 (45.9%)	3 (1.6%)	3.39	0.694

C4	Saya tahu menggunakan teknik yang sesuai untuk mengajar KBAT dalam pengajaran Bahasa Cina.	183	2 (1.1%)	9 (4.9%)	81 (44.3%)	87 (47.5%)	4 (2.2%)	3.44	0.676
C5	Saya menggalakkan murid menilai kebenaran maklumat daripada pelbagai aktiviti berdasarkan bukti yang sah untuk melatih kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid.	183	0	8 (4.4%)	40 (21.9%)	124 (67.8%)	11 (6%)	3.75	0.628
C6	Saya memberikan tempoh masa untuk murid-murid mengemukakan idea-idea terhadap sesuatu topik dalam proses PdPc.	183	1 (0.5%)	3 (1.6%)	28 (15.3%)	139 (76%)	12 (6.6%)	3.86	0.562
C7	Saya menggunakan maklumat yang relevan dalam interaksi dan berbincang bersama-sama dengan murid untuk mengembangkan pemikiran murid agar dapat berfikir secara aras tinggi.	183	2 (1.1%)	1 (0.5%)	21 (11.5%)	146 (79.8%)	13 (7.1%)	3.91	0.547
C8	Saya menghendaki murid untuk menilai kebolehpercayaan sumber-sumber sebelum menerima sesuatu fakta.	183	0	6 (3.3%)	40 (22%)	125 (68.7%)	11 (6%)	3.77	0.601
C9	Saya menggalakkan murid untuk membuat perbincangan kumpulan berdasarkan kepada data dan maklumat yang sedia ada untuk melatih murid berfikir secara aras tinggi.	183	2 (1.1%)	1 (0.5%)	22 (12%)	139 (76%)	19 (10.4%)	3.93	0.585
Jumlah nilai min dan sisihan piawai bagi tahap penerapan pengajaran KBAT.								33.11	5.619
								3.67	0.62

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya membuktikan bahawa guru-guru Bahasa Cina sekolah menengah di Selangor mempunyai tahap pemahaman yang tinggi dalam melaksanakan KBAT dalam PdPc di dalam bilik darjah, tetapi masih kurang mencapai objektifnya dari segi pendedahan sepenuhnya tentang penerapan KBAT dalam PdPc Bahasa Cina.

Untuk memastikan pelaksanaan KBAT berjalan lancar dalam pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah, maka semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan guru dan murid terdedah dengan teknik pengajaran KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Cina yang terkini agar objektif pendidikan kebangsaan untuk melahirkan generasi muda yang mampu berfikir secara aras tinggi dalam usaha menjadi negara moden tercapai.

Dapatan kajian ini lebih mengukuhkan lagi bahawa pengalaman mengajar, kelulusan akademik dan kelulusan ikhtisas guru Bahasa Cina sekolah menengah di Selangor tidak membawa kesan dari segi kefahaman dan pelaksanaan KBAT dalam PdPc bilik darjah. Sebaliknya berjaya membuktikan bahawa adanya kesan antara kefahaman guru terhadap KBAT dengan pelaksanaan KBAT dalam PdPc di bilik darjah.

Guru-guru yang dikehendaki mengajar KBAT melalui mata pelajaran sekolah selain memerlukan kefahaman terhadap KBAT, mereka juga perlu menguasai kemahiran pedagogi dalam penerapan KBAT dalam PdPc di bilik darjah. Satu daripada aspek yang perlu diberi perhatian dalam pengendalian kursus-kursus mengenai KBAT ialah perlu ada sesi praktikal yang cukup bagi guru-guru merancang, mencuba, menilai dan belajar daripada pengalaman mengajar KBAT melalui mata pelajaran Bahasa Cina khususnya.

Rujukan

1. Ministry of Education. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 [Malaysia Education Development Plan 2013-2025]*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Abdul Said Ambotang. (2014). *Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah [Novice Teacher Professionalism in Knowledge Management, Teaching Readiness and High Level Thinking Skills (HLTS) Towards the Implementation of Teaching in Schools]*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
3. Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pentaksiran kemahiran Berfikir Aras Tinggi [Assessment of High Level Thinking Skills]*. Melaka: Percetakan Surya Sdn. Bhd. Examination Board. Ministry of Education.

4. Ministry of Education. (2015). *KSSM Chinese Curriculum Document DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM)*. Kuala Lumpur: Curriculum Development. Ministry of Education.
5. Jamil bin Ahmad.(2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian [Fostering a research culture among teachers in schools: an assessment]*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.